



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI SELANGOR**

Menara NAZA TTDI
Tingkat 6, 12 dan 13
No. 11, Jalan Judo 13/45
Seksyen 13, 40100 Shah Alam
SELANGOR DARUL EHSAN

Tel: 603-5520 5200
Faks: 603-5510 5049
Laman Web:
<http://www.anm.gov.my/index.php/utama-selangor>

Rujukan Tuan :
Rujukan Kami : ANM (SEL) G.100-10/3/1 (21)
Tarikh : // September 2020

Ketua-ketua Pusat Tanggungjawab Jabatan Persekutuan
Negeri Selangor Darul Ehsan

YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan,

**PEMBAYARAN EMOLUMEN BAGI PEGAWAI AWAM TETAP/ KONTRAK/ PEKERJA
SAMBILAN HARIAN YANG MENINGGAL DUNIA MELALUI ARAHAN PEMBAYARAN**

Dengan segala hormatnya, saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman pihak YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan, pengurusan bayaran emolument bagi Pegawai Awam Tetap/ Kontrak/ Pekerja Sambilan Harian melalui arahan pembayaran perlu dirujuk kepada **Surat Pekeliling Akauntan Negara (SPANM) Bil. 1 Tahun 2020, Lampiran A: Garis Panduan Bayaran Emolument Pegawai Awam Persekutuan**. Walau bagaimanapun, sekiranya pembayaran emolument bagi Pegawai Awam tetap/ Kontrak/ Pekerja Sambilan yang meninggal dunia, terdapat beberapa dokumen tambahan perlu dikemukakan bersama dengan permohonan kepada pejabat perakaunan untuk kelulusan bayaran melalui arahan pembayaran.
3. Perkara ini dinyatakan dalam **SPANM Bil. 7 Tahun 2018, Lampiran A: Garis Panduan Tatacara Pengurusan Bayaran**. Keperluan dokumen tambahan ini bertujuan untuk memastikan bayaran emolument pegawai yang meninggal dunia dibayar kepada waris atau pentadbir harta pusaka yang sah. Sehubungan dengan itu, bersama-sama surat ini disertakan senarai semak permohonan kelulusan pembayaran emolument bagi Pegawai Awam Tetap/ Kontrak/ Pekerja Sambilan Harian yang meninggal dunia melalui arahan pembayaran seperti di **Lampiran A** untuk rujukan pihak YBhg. Dato'/Tuan/Puan.
4. Kerjasama pihak YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi"

Saya yang menjalankan amanah,

(RUZINAH BINTI RUKUN C.A.(M))

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Selangor.

No. Tel : 03 55205201 No. Fax : 03-55205281

Emel : ruzinah@anm.gov.my

Nor Hafizah/Unit Gaji

Tajuk : Pembayaran Emolumen Bagi Pegawai Awam Tetap/ Kontrak/ Pekerja Sambilan Harian Yang Meninggal Dunia Melalui Arahkan Pembayaran
Rujukan : ANM (SEL) G.100-10/3/1(21)
Tarikh: // September 2020

LAMPIRAN A

SENARAI SEMAK DOKUMEN PERMOHONAN KELULUSAN PEMBAYARAN EMOLUMEN BAGI PEGAWAI AWAM/ KONTRAK/ PEKERJA SAMBILAN HARIAN YANG MENINGGAL DUNIA MELALUI ARAHAN PEMBAYARAN

Bil	Dokumen	Tandakan (✓)
1.	Surat permohonan rasmi (Justifikasi permohonan)	
2.	Penyata Perubahan Mengenai Pendapatan Seseorang Pegawai (Kew.8-Pin.10/96) dan Penyata Mengenai Peribadi, Perkhidmatan dan Gaji (PR. JPA 2-Pin.1/96) (Kedua-dua belah muka surat)	
3.	Penyata Pengiraan	
4.	Salinan Kad Pengenalan (Waris)	
5.	Salinan penyata akaun/ dokumen yang menunjukkan nombor akaun bank yang aktif; dan	
6.	Salinan sijil nikah (jika yang meninggal suami/ isteri); atau	
7.	Salinan sijil kelahiran (jika yang meninggal bapa/ ibu); dan	
8.	Salinan sijil kematian; dan	
9.	Bon Ganti Rugi (Indemnity Bond)/Akuan Ganti Rugi; atau	
10.	Surat kuasa mentadbir pusaka (sekiranya jumlah melebihi RM2,000.00).	
11.	Dokumen sokongan lain (jika berkaitan) seperti: i) Surat permohonan tahan gaji di Bank kepada JANM Selangor ii) Surat keputusan pergerakan gaji iii) Surat kenaikan pangkat	